

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
NOV 04 – APRIL 05

Adalah dilaporkan bahawa kajian ini disediakan

Oleh :

WIDY AZWIN BINTI NORDIN

2002286111

Bertajuk

LAPORAN

CADANGAN MEREKABENTUK GALERI BARBIE
DI MID VALLEY CITY, LINGKARAN SYED PUTRA,
59200 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Diterima sebagai memenuhi syarat-syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

PENYELIA : PUAN ROHAIMINI BINTI YUSOFF

KOORDINATOR : PUAN NORASYIKIN ABDULLAH

KETUA KURSUS : PUAN RAMLAH BINTI AWI

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Patung Barbie adalah nama yang sinonim dengan kanak-kanak mahupun orang dewasa. Tetapi ianya lebih popular dikalangan kanak-kanak perempuan. Ini kerana patung Barbie adalah salah satu permainan kanak-kanak perempuan yang paling berjaya penjualannya pada masa dahulu dan juga kini. Patung Barbie cukup terkenal sehingga terkenal dikalangan kanak-kanak, remaja mahupun dewasa.

Projek ini merupakan cadangan merekabentuk sebuah galeri Barbie untuk peminat-peminat mereka. Selain dari kanak-kanak, remaja dan orang dewasa juga tidak terkecuali dalam meminati patung Barbie ini. Ini dapat dibuktikan diluar negara Malaysia yang mana disana Kebanyakan mereka ingin menjadi perwatakan seperti Barbie. Mereka lebih bersikap fanatik terhadap pemakaian Barbie kerana Barbie adalah salah satu model fashion yang terkenal di dunia yang mana kebanyakan pakaian yang dipakainya belum dipakai oleh mana-mana model manusia di dunia.



Di sini, kita jarang melihat tempat penjualan atau kedai khas yang menjual barangan Barbie. Berbanding di luar negara, mereka mempunyai banyak kedai yang khas bagi menjual barangan patung Barbie ini. Melalui kajian saya, barangan Barbie ini banyak dijual di pasar malam dan kedai permainan patung yang dijual bersama-sama dengan patung yang lain.

Ini amat menyukarkan bagi peminat Barbie untuk menambahkan koleksi atau mencari koleksi yang diinginkan. Mereka juga sukar untuk mendapatkan barangan yang dijual di luar negara kerana kebanyakan barangan Barbie yang dijual di sana seperti beg, beg duit, kotak pensel, buku nota dan sebagainya tiada dijual di sini. Peminat Barbie bukan sahaja minat akan patungnya tetapi juga kepada barangannya yang cantik sesuai untuk kanak-kanak dan remaja perempuan.

Projek galeri yang saya reka untuk projek akhir semester 06 dalam kursus rekabentuk dalaman ini adalah satu galeri yang akan dapat memberikan segala keperluan kepada peminat Barbie yang mana memerlukan suatu kepuasan yang tidak dapat dielakkan. Juga dapat menambah peminat Barbie disini dengan koleksi terbarunya yang jarang didapati.



1.2 SINOPSIS PROJEK

Barbie adalah permainan patung perempuan yang terkenal dikalangan kanak-kanak. Perkataan Barbie berasal dari panggilan anak perempuan penciptanya yang mana nama anak perempuannya adalah Barbara. Ruth Handler adalah pereka patung Barbie yang sayangkan anaknya sehingga menggelarkan nama anak patung ciptaannya mengikut nama manja anaknya.

Cadangan merekabentuk galeri Barbie adalah bertujuan untuk memberikan kepentingan kepada peminat Barbie yang mana sukar untuk mendapatkan koleksinya kerana koleksi Barbie adalah terhad pengeluarannya disini.

Lokasi yang dipilih dalam cadangan merekabentuk galeri ini adalah di Mid Valley Megamall iaitu salah satu pusat membeli-belah yang terkenal di Kuala Lumpur. Dari segi perkhidmatan dan kemudahan adalah sangat memuaskan kerana ia mempunyai jalan pengangkutan yang boleh memudahkan pengunjung untuk mengunjunginya.

Tujuan projek ini dicadangkan adalah untuk memudahkan peminat menambahkan koleksi mereka dan untuk membolehkan Barangan Barbie diperkenalkan diseluruh Malaysia supaya peminat Barbie tidak akan ketinggalan untuk mendapatkan maklumat dan koleksinya.



Isi Kandungan

| | Muka surat |
|---|-------------------|
| 1.0 Pengenalan | |
| 1.1 Pengenalan Projek | 2-3 |
| 1.2 Sipnosis Projek | 4 |
| 1.3 Skop Kerja | 5 |
| 1.3.1 Lobi / Ruang Informasi | 5 |
| 1.3.2 Pengenalan kepada patung Barbie dengan koleksinya | 5 |
| 1.3.3 Ruang Interaktif | 5 |
| 1.3.4 Ruang Barangan Barbie | 5 |
| 1.3.5 Ruang Barbie dalam pakaian tradisi Kaum di Malaysia | 6 |
| 1.3.6 Ruang set mainan lengkap Barbie | 6 |
| 1.3.7 Ruang Tayangan | 6 |
| 1.3.8 Ruang Utama Galeri | 6 |
| 1.3.9 Kedai Jualan | 7 |
| 1.3.10 Ruang Pejabat | 7 |
| 1.3.11 Stor | 7 |
| 1.4 Skop Projek | 8 |
| 1.5 Objektif Projek | 9 |

